

PERINGATAN: Pemohon and pemohon bersama (sekiranya ada) diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat terkandung disini dan Pihak Bank mengalakkan anda untuk mencari dan mendapatkan nasihat guaman bebas tersendiri sebelum menandatangani Borang Permohonan. Sekiranya terdapat mana-mana terma dan syarat yang tidak difahami oleh Pemohon, Pemohon dan/atau penjamin bersama (jika ada) dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan wakil Bank yang diberi kuasa sebelum menandatangani Borang Permohonan.

1. DOKUMENTASI

- 1.1 Pemohon dan pemohon bersama (jika ada) (seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ("Borang Permohonan") untuk Pembiayaan Bertempoh-i dijamin oleh Amanah Saham Bumiputera ("ASB") atau sijil Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB2") ("Kemudahan") dengan ini bersetuju dengan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat 199401009897 (295576-U)) (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**") bahawa Terma dan Syarat Am ini hendaklah dibaca bersama dengan Borang Permohonan yang ditandatangani oleh Pelanggan dan mengikat pemohon dan pemohon bersama (jika ada). Pemohon dan pemohon bersama (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").

2. INTEPRETASI

- 2.1 Terma dan Syarat Am ini, Borang Permohonan dan semua dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini hendaklah membentuk perjanjian yang mengikat bagi Kemudahan ini.

3. KEMUDAHAN

- 3.1 Kemudahan ini merupakan suatu kemudahan pembiayaan bertempoh-i yang dijamin oleh Sijil ASB atau ASB2 ("Sijil ASB") dan berasaskan konsep Syariah Murabahah, Tawarruq, Wakalah dan Wa'd.

Murabahah merujuk kepada kepada penjualan dan pembelian komoditi di mana kos perolehan dan penambahan harga dinyatakan kepada pelanggan.

Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada pelanggan secara bayaran tertangguh pada asas kos ditambah keuntungan, di mana harga belian dan harga jualan didedahkan kepada Pelanggan. Seterusnya, pelanggan kan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serahan serta-merta.

Wa'd ialah akujanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak selaku prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen / wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam Kemudahan ini, Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq.

- 3.2 Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli

- a) Pelanggan akan membuat suatu permintaan memberi suatu akujanji ("**Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli**") untuk membeli suatu komoditi yang dikenal pasti ("**Komoditi**") daripada Bank pada harga jualan ("**Harga Jualan Bank**"). Harga Jualan Bank mengandungi kos pemerolehan Komoditi (bersamaan dengan "**Amaun Kemudahan**") ditambah dengan keuntungan Bank di mana keuntungan tersebut dikira berdasarkan formula berikut:

Keuntungan: Kos Komoditi (bersamaan dengan Amaun Kemudahan yang diluluskan) x Kadar Keuntungan x Tempoh

Jumlah tepat keuntungan yang perlu dibayar oleh Pelanggan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui Notis Murabahah Komoditi.

- b) berhubung dengan Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli tersebut, Bank (atas kapasitinya sendiri) akan meneruskan pembelian Komoditi daripada pembekal komoditi.

- 3.3 Pelantikan Bank selaku Ejen

- a) Pelanggan boleh melantik Bank sebagai ejen bagi pihaknya untuk menjual Komoditi dan untuk memasuki dan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah bagi untuk pihaknya.
- b) Pelantikan Bank selaku ejen Pelanggan hendaklah mengikut dan secara intipatinya mengikut borang permohonan pelantikan Bank sebagai ejen pembelian dan penjualan ("Pelantikan Ejen")

- c) Selanjutnya, dan selaras dengan Pelantikan Ejen, jika diminta oleh Pelanggan, Bank bagi pihak Pelanggan akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasilnya akan dibayar kepada atau untuk manfaat Pelanggan mengikut terma Kontrak Jualan Murabahah.
- d) Pelanggan terikat dengan segala tindakan dan transaksi yang dimasuki oleh Bank daripada masa ke masa selaku ejennya di bawah dan menurut terma Pelantikan Ejen.
- e) Pelanggan mengakujanji untuk menanggung rugi Bank daripada setiap dan semua tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada melaksanakan peranan Bank selaku ejen seperti yang dinyatakan di atas dan di dalam Pelantikan Ejen melainkan dan kecuali setakat mana sebarang ta'addi (salah laku), taqsis (kecuai) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh pihak Bank.
- f) Walaupun terdapat Pelantikan Ejen, pihak Bank boleh, menurut terma di bawah Pelantikan Ejen, dalam keadaan yang dianggap wajar bagi pihak Bank untuk tidak mengambil tindakan, termasuk tetapi tidak terhad di mana adanya kepada aktiviti tanpa kebenaran, menahan diri, menangguh, menunda dan/atau enggan bertindak sebagai ejen Pelanggan dengan memberitahu Pelanggan, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa akibat dalam apa bentuk sekalipun yang timbul daripada atau disebabkan oleh ketidakgiatan yang tersebut sebelumnya, melainkan akibat tersebut adalah berpunca daripada kesilapan, ketinggalan, salah nyata atau kecuai pihak Bank.

3.4 Kontrak Jualan Murabahah

- a) Setelah Bank membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, Bank dan Pelanggan (melalui Bank sebagai ejennya) akan memasuki Kontrak Jualan Murabahah di mana Bank menjual kepada Pelanggan dan Pelanggan membeli Komoditi tersebut daripada Bank pada Harga Jualan Bank. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank Harga Jualan Bank secara tertangguh.
- b) Kontrak Jualan Murabahah hendaklah dianggap telah dimeterai setelah ia dilaksanakan oleh kedua-dua pihak, iaitu Bank dan Pelanggan; dan pada masa itu, pemilihan manfaat ke atas Komoditi (termasuk sebarang jaminan, nyata atau tersirat) serta hak untuk mengambil penyerahan Komoditi dan segala risiko serta liabiliti yang berkaitan dengan Komoditi tersebut akan serta-merta beralih daripada Bank kepada Pelanggan..
- c) Komoditi yang dibeli oleh Pelanggan daripada Bank adalah berdasarkan keadaan "seadanya", dengan syarat spesifikasi dan kualitinya adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Dokumen Pengenalan. Pelanggan tidak berhak membuat sebarang tuntutan terhadap Bank berhubung dengan kualiti, keadaan atau apa-apa perkara lain berkaitan Komoditi tersebut. Pelanggan dengan ini secara tidak boleh batal dan tanpa syarat mengetepikan apa-apa hak jaminan serta sebarang tuntutan berkaitan liabiliti kecacatan ke atas Komoditi terhadap Bank.
- d) Sekiranya Pelanggan ingin mengambil serahan Komoditi tersebut, Pelanggan akan menanggung sendiri kesemua kos dan perbelanjaan (termasuk takaful/insurans) bagi penyerahan Komoditi tersebut.
- e) Bank akan menyimpan sijil pengenalan dan pemilihan Komoditi di bawah sebagai amanah untuk manfaat Pelanggan sebelum penjualan selanjutnya Komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga termasuk Bursa Suq Al-Sila' oleh Bank yang bertindak selaku ejen Pelanggan mengikut Pelantikan Wakil.
- f) Sekiranya diminta secara bertulis, Pelanggan berhak memeriksa dan/atau mendapatkan salinan fotokopi sijil pengenalan dan pemilihan Komoditi tersebut.
- g) Jika Pelanggan berniat untuk menjual Komoditi tersebut di dalam pasaran kepada pihak ketiga untuk tunai dan secara langsung (on spot basis), Pelanggan boleh melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk

melaksanakan transaksi tersebut bagi pihak Pelanggan menurut Perlantikan Ejen.

- h) Kontrak Jualan Murabahah boleh ditamatkan sama ada oleh Bank atau Pelanggan kerana pelanggaran syarat-syarat tertentu atau tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama antara Bank dan Pelanggan di mana, Komoditi akan dikembalikan kepada Bank dan Harga Jualan Bank (selepas rebat) akan dikembalikan kepada Pelanggan. Sekiranya Komoditi telah dijual kepada Pembeli Komoditi, sejumlah amaun yang bersamaan dengan nilai Komoditi akan dikembalikan kepada Bank.

- 3.5 Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli, Kontrak Jualan Murabahah dan Pelantikan Ejen hendaklah disempurnakan dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank.
- 3.6 Yuran Dagangan berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi untuk Kemudahan ini yang ditanggung oleh Bank, jika ada, hendaklah menjadi tanggungan sepenuhnya oleh Pelanggan (melainkan jika dipersetujui sebaliknya oleh Bank).
- 3.7 Bank akan menyerahkan kepada Pelanggan satu Surat Pengeluaran yang memaklumkan urusan pembelian dan penjualan komoditi milik Pelanggan berserta maklumat bahawa Amaun Kemudahan sudah pun boleh diremit kepada Pelanggan.
- 3.8 Sebagai cagaran kemudahan, Bank akan menyimpan Sijil ASB samada dalam bentuk sijil fizikal atau elektronik dan Pelanggan akan mengeluarkan surat pengisytiharan mengisytiharkan bahawa Bank berhak untuk memegang Sijil ASB tersebut sebagai cagaran bagi Kemudahan.

4. TARIKH BERKUATKUASA

- 4.1 Terma dan Syarat Am ini akan berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Kemudahan ini.

5. PRA-SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN

- 5.1 Amaun Kemudahan hanya akan dilepaskan apabila semua syarat dahuluan di dalam Terma dan Syarat Am ini ditemui dalam keadaan memuaskan pada pihak Bank.
- 5.2 Penyempurnaan segala dokumen yang perlu bagi Murabahah Tawarruq iaitu Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian, Pelantikan Bank sebagai Agen dan Kontrak Jualan Murabahah.
- 5.3 Pelanggan melengkapi dan menandatangani Borang Permohonan.
- 5.4 Bank telah menerima salinan polisi takaful (jika ada) yang diambil oleh Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan.
- 5.5 Bank berpuas hati dengan pengesahan tentang kelayakan Pelanggan untuk membeli unit-unit ASB yang berkenaan dan semakan kredit Bank terhadap Pelanggan daripada mana-mana agensi rujukan yang dianggap perlu oleh Bank menunjukkan tiada butiran negatif terhadap Pelanggan.

6. TERMA-TERMA PENGELUARAN

- 6.1 Bank akan meremiti Amaun Kemudahan (bersamaan dengan hasil jualan daripada penjualan komoditi kepada pembeli pihak ketiga) yang diluluskan oleh Bank kepada ASNB.
- 6.2 Pelanggan akan diberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada kaedah pembayaran hasil jualan tersebut.

7. KADAR KEUNTUNGAN

- 7.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar kadar caj keuntungan ke atas Kemudahan tersebut pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Kadar keuntungan tersebut termasuk dalam pengiraan Harga Jualan Bank.
- 7.2 Jika sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada kadar asas standard (seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan) Bank boleh mengubah kadar keuntungan efektif dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis dahuluan kepada Pelanggan. Untuk mengelak kekeliruan, kenaikan kadar keuntungan efektif tidak boleh melebihi kadar keuntungan siling.

8. SKIM POTONGAN GAJI AMBANK

- 8.1 Pelanggan diingatkan untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun pengkreditan gaji bagi tujuan pembayaran sekiranya gaji tidak mencukupi untuk menyelesaikan ansuran/pembayaran sepenuhnya, atau potongan gagal dilakukan atas sebab-sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada, sekatan pengeposan, jumlah gaji yang tidak mencukupi,

kegagalan pembayaran gaji, pembayaran gaji melalui saluran selain AmBank@work Payroll Solutions, dan sebagainya

- 8.2 Bagi pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, tanpa mengira tarikh ansuran/pembayaran yang perlu dijelaskan, jumlah ansuran/pembayaran akan dipotong pada hari yang sama selepas gaji dikreditkan (atau pada hari berikutnya sekiranya gaji dikreditkan selepas waktu tutup Bank) bagi tujuan pembayaran.
- 8.3 "Sekiranya Pelanggan bukan lagi Pelanggan AmBank@work dan/atau memilih untuk tidak meneruskan Skim Potongan Gaji, Bank berhak untuk menyemak semula kadar keuntungan dengan pemberitahuan awal kepada Pelanggan.
- * "Pelanggan bukan lagi merupakan pelanggan AmBank@work sekiranya majikan pelanggan tidak lagi pelanggan AmBank@work Payroll Solutions, dan/atau gagal mengkreditkan gaji melalui sistem penggajian selama 3 bulan berturut-turut.
- 8.4 Bagi pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, pelanggan dikehendaki mendaftar kemudahan auto-debit melalui Akaun Semasa/Simpanan/-i AmBank@work bagi tujuan pembayaran.

9. PEMBAYARAN OLEH PELANGGAN

- 9.1 Harga jualan Bank harus dibayar mengikut bilangan bulan ansuran bulanan yang dimaklumkan oleh Bank kepada pelanggan.
- 9.2 Ansuran pertama harus dibayar pada tarikh yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Bagi pembayaran penuh Kemudahan yang dibuat pada hari pertama hingga hari ke-14 bagi bulan kalendar berkenaan, tarikh bayaran ansuran bulan pertama ialah pada hari ke-5 bulan hadapan.
- b) Bagi pembayaran penuh Kemudahan yang dibuat pada hari ke 15 hingga hari terakhir dalam bulan kalendar berkenaan, tarikh bayaran ansuran bulan pertama ialah pada hari ke-5 bulan yang seterusnya.

Bayaran ansuran berikutnya harus dibuat pada tarikh yang bersamaan setiap bulan kalendar kemudiannya secara berturut-turut sehingga semua Harga Jualan Bank dan wang lain yang Pelanggan berjanji akan membayar dalam Terma dan Syarat Am ini ("Keberhutangan") dibayar dan diselesaikan dengan sepenuhnya.

- 9.3 Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank dengan sepenuhnya tanpa menolak selesai dan sebarang penolakan lain untuk cukai atau sebarang potongan yang lain kecuali seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Am ini.
- 9.4 Semua bayaran yang dibuat oleh Pelanggan di bawah Kemudahan ini akan digunakan untuk menjelaskan amaun tertunggak, ansuran bulanan dan/atau caj berkaitan lain yang perlu dibayar dan masih terhutang oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah Kemudahan ini.
- 9.5 Ansuran Bulanan harga jualan Bank yang dibayar secara ansuran tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran bertulis daripada Bank.
- 9.6 Pelanggan beraku janji untuk membuat pengaturan yang memuaskan dan secukupnya bagi pembayaran ansuran bulanan menurut Terma dan Syarat Am ini walaupun dia berada di luar Malaysia untuk sebarang tempoh masa.
- 9.7 Sekiranya Bank membuat tuntutan terhadap bayaran harga jualan Bank ini, Pelanggan haruslah bertanggungjawab untuk membayar caj lewat bayar ke atas amaun yang tertunggak atau ansuran bulanan yang tidak dibayar daripada tarikh tuntutan dibuat sehingga penyelesaian penuh Keberhutangan. Caj lewat bayar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah mahkamah dan juga sebelum penghakiman atau perintah mahkamah diberikan) dan caj lewat bayar tersebut yang tidak dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan pada setiap hujung bulan kalendar.

10. PRABAYARAN/PENYELESAIAN AWAL DAN IBRA' (REBAT)

- 10.1 Sekiranya Pelanggan ingin menyelesaikan sepenuhnya harga jualan Bank sebelum tempoh Kemudahan tersebut tamat, Pelanggan hendaklah memberi Bank satu (1) bulan notis bertulis dahulu.
- 10.2 Bank akan memberi ibra' (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:

- a) Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling/dipersetujui.
- b) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
- Penebusan atau prabayaran Kemudahan;
 - Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan;
 - Di dalam kes ingkar oleh Pelanggan;
 - Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput. Rebat (ibra') akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-
- $\text{ibra'} (\text{Rebat}) = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$
- 10.3 Setelah penyelesaian penuh Kemudahan dan semua jumlah yang terhutang kepada pihak Bank oleh Pelanggan, pihak Bank akan melepaskan Sijil ASB yang berkaitan dari sebarang sekatan kepada Pelanggan.
- 11. PELEPASAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEMUDAHAN PEMBIAYAAN**
- 11.1 Pelepasan sebahagian membolehkan pelanggan mengeluarkan nilai tunai daripada sebahagian prinsipal yang telah dilunaskan daripada pembiayaan
- 11.2 Amaun prinsipal minimum yang boleh dilepaskan ialah RM1,000 (keperluan oleh ASNB). Unit yang disekat secara sebahagian akan dilepaskan dan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan tunai pelanggan (Pemegang Unit).
- 11.3 Nilai cagaran akan berkurang selaras dengan amaun yang dilepaskan.
- 11.4 Butiran pembiayaan lain dan ciri-ciri akaun kemudahan akan kekal tidak berubah.
- 12. PENEBUSAN SEBAHAGIAN KEMUDAHAN**
- 12.1 Ciri ini membolehkan Bank mengurangkan pembiayaan bersama pelanggan tanpa menebus sepenuhnya unit sijil dan menggunakan kuota pembiayaan semasa.
- 12.2 Dengan memilih penebusan sebahagian, amaun pembiayaan asal pelanggan akan kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun, baki prinsipal baharu akan dikekalkan dalam akaun Pelanggan.
- 12.3 Amaun ansuran akan dikira semula berdasarkan baki prinsipal baharu dan tempoh baki daripada tempoh asal. Pelanggan perlu meneruskan pembayaran akaun kemudahan dengan amaun ansuran yang baharu.
- 12.4 Nilai cagaran bagi akaun kemudahan akan berkurang selaras dengan amaun yang dilepaskan atau dibiayai.
- 12.5 Hanya amaun ansuran dan nilai cagaran akan berubah, manakala butiran pembiayaan lain dan ciri-ciri akaun kemudahan akan kekal tidak berubah.
- 13. CAJ LEWAT BAYAR**
- 13.1 Sekiranya Pelanggan gagal atau lalai untuk membayar apa-apa amaun terhutang, Bank berhak untuk mengenakan caj bayaran lewat terhadap amaun terhutang tersebut dan kiraannya adalah seperti berikut:
- a) Sebelum tarikh matang
- Kadar caj lewat bayar: 1% setahun dikira atas baki harian Ke atas amaun:
- ansuran tertunggak, akan dikira selepas tarikh genap tempoh sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak; dan/ atau
 - baki tertunggak, yang dikira pada tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
- b) Selepas tarikh matang
- Kadar caj lewat bayar: Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian. Ke atas amaun: Baki tertunggak yang dikira daripada tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
- c) Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan
- Kadar caj lewat bayar: pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian daripada tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.
- Ke atas amaun: Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota:

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
- Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
- Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
- Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
- Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

14. HAK UNTUK MENAMATKAN KEMUDAHAN

- 14.1 Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan ini pada bila-bila masa (termasuk sebelum pengeluaran Kemudahan) jika berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan Terma dan Syarat Am ini dengan memberikan notis munasabah kepada Pelanggan. Selepas penamatan atau menarik balik Kemudahan tersebut, Bank mempunyai hak untuk menuntut bayaran bagi semua amaun tertunggak yang terhutang oleh Pelanggan di bawah Kemudahan ini.
- 14.2 Pihak Bank juga mempunyai hak untuk menggantung atau tidak meneruskan pengeluaran Kemudahan ini dengan mengeluarkan notis munasabah kepada Pelanggan jika pihak Bank menyedari dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:
- sebarang dokumen dan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan.
 - terdapatnya sebarang representasi yang tidak benar dalam permohonan Kemudahan oleh Pelanggan.
- 14.3 Jika sekiranya Kemudahan ini ditamatkan selepas Amaun Kemudahan telah diremit ke ASNB dan Sijil ASB telah dikeluarkan, pihak Bank akan menebus Sijil ASB tersebut dan hasilnya akan digunakan untuk menyelesaikan amaun yang terhutang dibawah Kemudahan.

15. REPRESENTASI DAN JAMINAN

- 15.1 Pelanggan memberi representasi dan waranti bahawa:
- Pelanggan mempunyai kuasa penuh untuk memasuki dan menjalankan obligasi-obligasinya yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Am ini.
 - tiada kejadian telah berlaku yang menyebabkan (atau dengan memberi notis atau luputnya masa atau kedua-duanya yang menyebabkan) berlakunya satu atau lebih Kejadian Ingkar seperti yang dinyatakan di bawah;
 - Pelanggan tidak memungkir sebarang perjanjian lain yang mungkin mempunyai kesan besar dan menjejaskan keadaan kedudukan kewangannya.
 - Pelanggan mengesahkan bahawa semua dokumen-dokumen dan infomasi yang diberikan oleh Pelanggan (termasuk infomasi di dalam Borang Permohonan) adalah dalam niat baik adalah betul dan benar. Apabila Bank menerima dokumen, tandatangan Pelanggan pada Borang Permohonan akan terikat secara sah terhadap Pelanggan dan tidak boleh dipertikaikan;
 - Pelanggan bersetuju dan/atau membenarkan semua panggilan telefon (jika ada) diantara kakitangan Bank dan Pelanggan akan dirakam oleh Bank bagi tujuan rekod/pengelesen.

16. KEJADIAN INKAR

- 16.1 Bank berhak untuk menamatkan dan/atau menarik balik Kemudahan ini dan menuntut pembayaran semua Keberhutangan jika:-
- Pelanggan gagal membuat apa-apa pembayaran keberhutangan atau apa-apa pembiayaan atau kemudahan lain yang Pelanggan ada dengan Bank pada tarikh matang yang berkenaan;
 - terdapatnya keingkaran apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat Am ini atau mana-mana kemudahan yang sedia ada dengan Bank atau Kumpulan AmBank;
 - Pelanggan mengakui secara bertulis atau selainnya akan ketidakmampuannya untuk membayar Keberhutangan apabila

Keberhutangan tersebut matang atau Bank berpendapat bahawa Pelanggan tidak dapat membayar Keberhutangannya apabila Keberhutangan tersebut menjadi matang;

- d) sebarang prosiding kebangkrutan telah dimulakan terhadap Pelanggan;
 - e) sebarang distres atau perintah pelaksanaan lain dilaksanakan ke atas atau terhadap mana-mana bahagian harta benda milik Pelanggan dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh perintah tersebut dikeluarkan;
 - f) sebarang hutang Pelanggan kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pelanggan tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;
 - g) apa-apa nyataan atau waranti yang dibuat oleh Pelanggan kepada Bank adalah tidak benar apabila dibuat (atau dianggap dibuat) atau jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta yang diberikan pada masa tersebut, tidak lagi menjadi benar dan tepat dalam segala aspek;
 - h) Pemberian Kemudahan adalah 'transaksi pihak yang berkaitan'; dan
 - i) Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak siaman atau hilang upaya mental.
- 16.2 Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis apabila berlaku mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas kecuali sub-klausa (i) di atas, dan mana waris atau keluarga terdekat atau wakil diri Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku kejadian tersebut.
- 16.3 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dialami oleh Bank akibat daripada apa-apa Kejadian Ingkar.
- 16.4 Bank mempunyai hak untuk mencairkan Sijil ASB yang dicagarkan bagi pihak Bank jika Kemudahan ini tidak dikemaskini atau terdapat apa-apa tunggakan selama dua (2) bulan atau lebih walaupun Bank telah mengeluarkan notis kepada Pelanggan. Bank hendaklah menghantar notis kepada Pelanggan apabila Sijil ASB selesai dicairkan.

17. PERUBAHAN KEPADA KEADAAN

- 17.1 Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan, garis panduan atau keperluan pihak berkuasa (atau pentafsirannya atau pelaksanaannya) yang dilaksanakan atau disebabkan oleh pematuhan pihak Bank kepada sebarang arahan, permintaan atau keperluan yang terpakai (sama ada terdapat kesan perundangan atau tidak) pihak Bank dikenakan sebarang syarat, beban atau kewajipan tambahan yang menyebabkan pihak Bank menanggung kesukaran yang tidak wajar untuk meneruskan Kemudahan tersebut, pihak Bank boleh menamatkan Kemudahan tersebut dengan memberikan notis munasabah kepada Pelanggan.

18. KOS DAN PERBELANJAAN

- 18.1 Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau timbul daripada atau sampingan kepada Kemudahan ini hendaklah dibayar oleh Pelanggan dan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan serta-merta.
- 18.2 Semua duit setem dan yuran guaman yang perlu dibayar (dinilai berdasarkan dasar 'peguam dan anak guam') atau yang ditanggung oleh Bank:
- a) berhubung dengan atau sebagai sampingan kepada peruntukan Kemudahan; dan/atau
 - b) berhubung dengan penguatkuasaan hak-haknya di bawah Kemudahan, harus dibayar oleh Pelanggan.

19. PENYUSUNAN SEMULA

- 19.1 Terma dan Syarat Am ini adalah sah dan mengikat kesemua pihak walaupun salah satu pihak telah bertukar melalui penggabungan, penyusunan semula atau selainnya dan tiada sebarang perubahan pada mana-mana pihak akan menjejaskan liabiliti dan obligasi-obligasi yang wujud, sama ada pada masa lepas, masa kini atau masa hadapan.

20. AKAUN GANTUNG

- 20.1 Dalam keadaan terhad yang sewajarnya perlu termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun Pelanggan yang terjejas disebabkan oleh prosiding undang-undang berkenaan yang sedang berjalan, atau terdapat baki wang selepas ditolak amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan, apa-apa wang yang diterima daripada Pelanggan boleh dikreditkan ke dalam akaun gantung yang patuh Syariah tanpa pulangan oleh Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang yang diterima atau sebahagian daripadanya untuk pembayaran hutang Pelanggan yang terhutang kepada Bank.
- 20.2 Walaupun pembayaran wang dikreditkan ke dalam akaun gantung tersebut, sekiranya Pelanggan telah bankrap, Bank masih boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi yang berkenaan dengan Keberhutangan yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank seolah-olah wang tersebut tidak dikreditkan.

21. PENYATUAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

- 21.1 Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan untuk menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak lain) di mana pun terletak untuk sebarang liabiliti dan obligasi yang terhutang atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank.

22. PENGIRAAN YANG MUKTAMAD

- 22.1 Pengiraan Bank terhadap Keberhutangan dan/atau amaun yang terhutang adalah muktamad, kecuali terdapat kesalahan yang nyata, adalah muktamad dan mengikat Pelanggan.

23. HAK UNTUK MEMBEKU AKAUN

- 23.1 Pelanggan bersetuju jika Pelanggan gagal dalam pembayaran Keberhutangan kepada Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank kepada Pelanggan, Bank berhak untuk membekukan semua atau sebahagian baki yang ada dalam mana-mana akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak ketiga) dengan Bank di mana-mana cawangan atau pejabat ("Baki Yang Ada") yang bersamaan dengan keseluruhan Keberhutangan yang diingkari dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar secara bertulis kepada Pelanggan untuk menjelaskan Keberhutangan.
- 23.2 Pelanggan bersetuju dengan Bank bahawa Bank berhak untuk membekukan apa-apa pengeluaran dan/atau deposit ke dalam/daripada mana-mana akaun Pelanggan, tanpa memberi notis terdahulu kepada Pelanggan, pada bila-bila masa apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan apabila:
- a) Bank berpendapat bahawa terma Mandat bagi sesuatu akaun disalahgunakan;
 - b) Bank pada pendapat mutlak dan munasabahnyanya mendapati bahawa maklumat/dokumen bagi pengenalan diri yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan akaun, kemudiannya didapati adalah palsu/tidak betul/ diubah/salah nyataan bagi pengenalan diri;
 - c) cek/suratcara kewangan/jumlah yang dikreditkan ke dalam akaun adalah hasil daripada pemalsuan/ suratcara dan arahan yang diubah/transaksi palsu, dengan/tanpa penglibatan Pelanggan;
 - d) aduan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/ Bank bahawa akaun telah digunakan untuk membuat transaksi/simpanan palsu/penipuan/mencari Pelanggan untuk pengambilan simpanan haram atau terlibat dalam apa jua aktiviti haram. Budi bicara Bank akan berdasarkan kepada penyiasatan dalaman atau maklumat yang diberikan oleh polis/pihak berkuasa;
 - e) berlaku kematian, kebangkrutan/perintah penggulangan terhadap Pelanggan, tertakluk kepada Bank telah dimaklumkan mengenainya oleh mana-mana pihak atau mendapat maklumat mengenainya melalui cara lain;
 - f) prosiding yang digarnis disampaikan kepada Bank berkenaan pemegang akaun sebagai penghutang penghakiman;

- g) Bank dikehendaki membekukan akaun oleh Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang yang diguna pakai.
 - h) Pelanggan gagal memberikan sebarang maklumat atau dokumen yang diminta oleh Bank sehingga memuaskan hati Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank.
- 23.3 Selepas pembekuan akaun, Bank boleh pada budi bicara mutlak dan sebagaimana ia fikirkan sesuai, memindahkan amaun yang dibekukan/Baki Yang Ada kepada akaun tanpa pulangan sehingga penyelesaian isu berkenaan yang berhubung dengan akaun tersebut / seperti yang diarahkan oleh Mahkamah/pihak berkuasa berkenaan.

24. HAK UNTUK SEMAKAN

- 24.1 Pihak Bank berhak untuk menyemak dan menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat indikasi bahawa Kemudahan tersebut digunakan untuk aktiviti tidak mematuhi Syariah atau berlaku sebarang bentuk keingkaran sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan. Pihak Bank hendaklah mengeluarkan notis munasabah secara bertulis.

25. HAK PENJUALAN PEMBIAYAAN TERTUNGGAK

- 25.1 Jika terdapat tunggakan pembayaran melebihi 2 bulan, sijil ASB/ASB2 anda akan dilupuskan (dijual) serta-merta dan hasil jualan kesemua unit di dalam sijil akan digunakan untuk menyelesaikan bayaran tertunggak pembiayaan. Anda juga bertanggungjawab menyelesaikan baki defisit (jika ada) selepas sijil anda dilupuskan (dijual). Bank berhak selepas memberi notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan, untuk menjual hak bagi menuntut semua jumlah baki tertunggak pembiayaan kepada pihak ketiga.

26. HAK UNTUK PENOLAKAN SELESAI

- 26.1 Bank berhak untuk menolak daripada mana-mana akaun anda dengan bank ke atas sebarang baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan. Bank akan memberi notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan sebelum melakukan sebarang penolakan di dalam akaun bank untuk menyelesaikan semua baki tertunggak akaun pembiayaan.
- 26.2 Jika Pelanggan gagal menjelaskan Keberhutangan yang diingkar dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar tersebut, Bank berhak untuk membuat penolakan sepenuhnya mana-mana bahagian baki yang ada dengan jumlah penuh hutang tertunggak yang perlu dibayar.

27. HAK UNTUK MENGGUNAKAN KHIDMAT LUAR KUTIPAN HUTANG

- 27.1 Jika sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan perlu didapatkan semula daripada Pelanggan, Bank berhak selepas memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan untuk melantik agensi kutipan hutang luar dengan menghantar notis tersebut ke alamat terakhir Pelanggan yang direkodkan dan dengan ini Bank dianggap telah memenuhi kewajipan tersebut. Bank akan menyediakan kepada Pelanggan nama dan butiran ejen yang telah dilantik sebagai pihak ketiga yang mana Bank telah salurkan untuk kutipan semula semuanya dan sebarang jumlah yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank.

28. SEKSYEN 47, AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM, 2013

- 28.1 Pelanggan pada pengetahuannya yang terbaik dan informasi selepas penelitian berjaga-jaga dengan ini mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa: -
- a) peruntukkan kemudahan ini adalah bukan transaksi pihak berkaitan;
 - b) Kemudahan ini bukanlah transaksi pihak berkaitan di mana;
 - i. Pelanggan bukan saudara rapat kepada mana-mana pihak berkaitan Bank atau mana-mana subsidiari Bank dan entiti yang dikawal oleh Bank; dan
 - ii. Pelanggan tidak mempunyai kawalan terhadap pihak berkaitan Bank.
- 28.2 Pelanggan berakujanji untuk memberitahu Bank serta-merta jika sebarang hubungan tersebut wujud atau diketahui pada bila-bila masa dan Bank menyimpan hak untuk menamatkan Kemudahan.
- ## 29. KUASA YANG DIBERIKAN OLEH PELANGGAN
- 29.1 Pelanggan secara cagaran dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank dan setiap wakil atau sub-wakilnya (jika ada) dengan tidak boleh dibatal seperti yang Bank boleh tetapkan sama ada atas nama Pelanggan atau

sebaliknya dengan kuasa penuh untuk menggantikan Pelanggan bagi menyempurnakan dan melakukan kesemua jaminan, tindakan dan perkara yang Pelanggan perlu lakukan di bawah peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini bagi menyempurnakan dan melengkapkan pindah milik atau dokumen yang Bank mungkin perlukan bagi menyempurnakan gadaian atau cagaran ke atas unit ASB dan/atau mengutip dan/atau menerima daripada mana-mana pihak melibatkan kesemua jumlah yang genap tempoh kepada Pelanggan berkenaan dengan unit ASB tersebut dan/atau menguatkuasakan sebarang hak berhubung dengannya dan memberikan resit yang sah dan/atau membawa prosiding berkenaan atas kos dan perbelanjaan Pelanggan, sama ada melalui tindakan, distres atau sebaliknya yang Bank boleh pada budi bicara anggap perlu atau disarankan dan/atau menguatkuasakan sebarang hak tersebut dan Pelanggan dengan ini memperakui dan mengesahkan kesemua tindakan dan perlakuan pihak Bank menurut kuasa yang diberikan di atas.

30. NOTIS

- 30.1 a) Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Terma dan Syarat Am ini hendaklah secara bertulis dan boleh ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus, atau pegawai Bank yang diberi kuasa atau mana-mana peguamcara atau firma guaman yang bertindak untuk Bank.
- b) Tuntutan atau notis (termasuklah tetapi tidak terhad kepada writ saman dan tuntutan perundangan) boleh dihantar kepada Pelanggan melalui pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pelanggan yang dinyatakan di dalam permohonan atau tempat perniagaan, pekerjaan atau kediaman Pelanggan yang biasa atau terakhir diketahui.
- c) Tuntutan dan notis dianggap diserahkan: (i) jika secara persendirian, pada masa penghantaran dan diakui oleh Pelanggan; and (ii) melalui penghantaran biasa dengan sijil pengeposan, lima (5) hari kalendar selepas pengeposan.
- 30.2 Sebarang notis yang perlu diberikan di bawah Terma dan Syarat Am ini kepada Bank hendaklah secara bertulis dan mesti ditandatangani oleh Pelanggan. Notis tersebut boleh dihantar kepada Bank melalui pos berdaftar atau dihantar secara penghantaran peribadi kepada Bank di alamat yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dan akan hanya dianggap telah dihantar kepada Bank pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.
- 30.3 Sebarang surat tuntutan, notis, pernyataan, peringatan atau sijil ("**Dokumen Tersebut**") yang diberikan oleh Bank tidak memerlukan tandatangan mana-mana pegawai Bank di mana ia telah dinyatakan di dalam Dokumen Tersebut bahawa ia adalah dijana oleh komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.
- 30.4 Kenyataan bertulis oleh mana-mana pegawai atau ejen yang diberi kuasa oleh Bank pada masa berkenaan atau notis janaan komputer yang dikeluarkan oleh Bank yang tidak memerlukan sebarang tandatangan, diberikan bagi menunjukkan jumlah seperti baki dan liabiliti yang ditanggung atau terhutang kepada Bank atau berkenaan kadar keuntungan atau jumlah yang perlu dibayar, adalah keterangan muktamad bagi segala tujuan (termasuk tetapi tidak terhad kepada prosiding undang-undang)
- 30.5 Tertakluk kepada klausa-klausa di atas, sebarang notis oleh Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada peringatan atau tuntutan pembayaran jumlah yang genap tempoh dan terhutang kepada Bank (jika ada)) boleh diberikan melalui faks, e-mel atau sebarang bentuk komunikasi serta-merta (termasuk sistem pesanan ringkas (sms)) kepada nombor atau alamat e-mel terakhir anda yang berada di dalam rekod Bank. Pelanggan hendaklah membalas notis berkenaan dengan suatu balasan menggunakan format yang sama dan Bank tidak bertanggung jawab bagi sebarang apapun keaiban, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada penzahiran notis berkenaan kepada pihak ketiga.
- 30.6 Pelanggan boleh menghubungi yang berikut untuk bantuan dan membuat aduan:
- a) Jika Pelanggan mengalami masalah dalam membuat bayaran, Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Pelanggan boleh

menghubungi AmBank Islamic Berhad, Pejabat Perhubungan Kutipan, Level 7, Tower 2, Wisma AmFirst, Jalan Stadium, SS7/15, 47301, Petaling Jaya, Selangor, Tel: 03-2054 6688, Fax: 03-7452 1888.

- b) Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan percuma terhadap pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Pelanggan boleh menghubungi AKPK di Tingkat 5 & 6, Menara Aras Jaya (Sebelum ini dikenali sebagai Menara Bumiputera Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, No Tel: 03- 2616 7766, Laman Web: www.akpk.org.my
- c. Jika Pelanggan bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau servis yang disediakan oleh Bank, Pelanggan boleh menghubungi pihak Bank di AmBank Islamic Berhad Contact Center – One Stop Resolution, Tingkat 18, Menara AmBank No. 8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur, No. Tel: 03 – 2178 8888, E-mel: customercare@ambankgroup.com.
- d. Jika Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, No Tel: 1-300-88-5465, No Faks: 03-2174 1515, Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK

31. LIABILITI

- 31.1 Bank akan ditanggung rugi oleh Pelanggan terhadap sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos-kos dan perbelanjaan yang Bank menanggung akibat daripada pembayaran manfaat Takaful/Insurans.
- 31.2 Bank boleh menolak permohonan Kemudahan untuk penolakan tersebut dan Bank tidak harus dipertanggungjawabkan untuk kerugian yang timbul daripada penolakan tersebut melainkan tindakan tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos-kos dan perbelanjaan tersebut kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiannya nyata, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.
- 31.3 Pelanggan bersetuju bahawa setiap tanggungjawab Pelanggan untuk membayar menurut apa-apa terma dan syarat, yang terkandung di sini atau jika sesuai mana-mana dokumen sekuriti, merupakan tanggungjawab yang berasingan dan tersendiri, akan menimbulkan kausa tindakan yang berasingan dan tersendiri, akan terpakai tanpa mengira sebarang penepian atau kelonggaran yang diberikan oleh Bank berkenaan sebarang tanggungjawab lain, akan kekal berkuat kuasa tanpa mengira sebarang penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti bagi suatu jumlah likuidasi berkenaan beberapa tanggungjawab lain dan boleh digunapakai dan dikuatkuasakan oleh Bank secara tersendiri atau serentak dengan atau tanpa perlu memulakan tindakan lain menurut tanggungjawab tersebut atau mana-mana dokumen sekuriti atau terdahulunya menghabiskan sebarang remedi atau menolak selesai, menjual atau melupuskan terdahulu sebarang aset atau unit ASB, hartanah atau aku janji yang diberikan sebagai cagaran kepada Bank daripada masa ke semasa.

32. TANGGUNG RUGI

- 32.1 Sekiranya diberi notis yang munasabah daripada Bank, Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank atas sebarang liabiliti, kerosakan, kerugian, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada atau berkaitan dengan Kemudahan ini (termasuk perbelanjaan guaman atas dasar peguam- anakguam dan berdasarkan tanggung rugi penuh), kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiannya melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank atau ejennya.

33. FORCE MAJEURE

- 33.1 Bank tidak perlu melaksanakan obligasinya sekiranya ia dihalang untuk berbuat demikian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa bencana alam, rusuhan, kekecohan awam, tindakan pengganas, mogok buruh, sekat masuk, kebakaran, banjir, kemalangan, kerosakan mesin atau komputer/sistem komputer atau apa-apa perkara lain di luar kawalan munasabah Bank.

34. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 ("AMLATFA") & AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 ("STA")

- 34.1 Pelanggan mengakui dan menjamin bahawa:
- a) melainkan dan sehingga Pelanggan memaklumkan sebaliknya kepada pihak Bank secara bertulis:
- i) Pelanggan ialah penghutang utama berhubung dengan Kemudahan ini;
- ii) tiada pihak lain selain Pelanggan yang memiliki atau akan memiliki apa-apa faedah dalam Kemudahan ini; dan
- iii) semua wang yang akan dibayar kepada pihak Bank, semua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada pihak Bank bagi menjamin Kemudahan ini (jika ada) hendaklah diperoleh daripada sumber aktiviti yang sah dan bukan daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau melanggar STA.
- b) setelah dimaklumkan bahawa Pelanggan ialah perantara bagi pihak lain:
- i) pihak Bank boleh meminta, dan Pelanggan bersetuju serta berjanji untuk mengemukakan pengesahan identiti benefisiari dan maklumat lain sebagaimana yang pihak Bank perlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan benar yang disahkan bagi sebarang kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang mungkin diperlukan bagi tujuan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, dan salinan dokumen tersebut boleh disimpan oleh pihak Bank selepas pengesahan dibuat;
- ii) Pelanggan selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa semakan "kenali pelanggan anda" yang diperlukan telah dijalankan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, dan Pelanggan turut mengesahkan bahawa wang, dana atau cagaran tersebut diperoleh daripada sumber aktiviti yang sah dan tidak diperoleh daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah akta AMLATFA atau melanggar akta STA; dan
- iii) dengan ini, adalah dipersetujui dan difahami dengan jelas bahawa pemberian butiran benefisiari Pelanggan tidak akan menjadikan benefisiari Pelanggan sebagai klien Bank, dan pihak Bank berhak untuk menetapkan Pelanggan sebagai penghutang utama.
- 34.2 Sebagai tambahan kepada Klausul 31A.1 (a) dan (b) dalam dokumen ini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengaku janji tanpa mansuh dan tanpa syarat bahawa:
- a) Pelanggan hendaklah mendedahkan dan mengemukakan kepada pihak Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap wajib serta memenuhi piawaian Bank tepat pada masanya, mengikut waktu yang ditetapkan oleh pihak Bank, sama ada bagi tujuan pematuhan undang-undang, peraturan, kawal atur, arahan dan garis panduan BNM dan/atau yang diberikan, dibuat atau ditetapkan oleh pihak Bank;
- b) sebelum maklumat Pelanggan diterima oleh pihak Bank dan sehingga maklumat tersebut diterima serta disahkan untuk memenuhi piawaian pihak Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan, pihak Bank tidak akan memikul tanggungjawab untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran, dan juga tidak akan menerima apa-apa wang, dana atau cagaran ("Aset"). Berkenaan Aset yang telah menjadi milik Bank, pihak Bank berhak (dan diberi kuasa) untuk menyimpan Aset tersebut untuk sementara waktu; mana-mana Aset yang diminta untuk dipulangkan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain hanya akan dipulangkan selepas pihak Bank menerima pengesahan yang memenuhi piawaian daripada pihak berkuasa yang berkaitan;
- c) Pelanggan tidak boleh menggunakan Kemudahan ini untuk tujuan pengubahan wang haram atau melanggar sebarang undang-undang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram di bawah akta AMLATFA atau melanggar akta STA; dan
- d) dalam apa jua keadaan sekalipun, pihak Bank atau syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian langsung, tidak langsung, atau apa-apa kerugian lain yang timbul dalam apa cara sekalipun natijah daripada pelaksanaan tugas Bank di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, khususnya tetapi tidak terhad kepada kewajipan statutori di bawah akta AMLATFA atau akta STA.

34.3 Sekiranya Pelanggan membuat bayaran terhadap Harga Jualan Bank yang masih tertunggak pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa selepas pihak Bank melepaskan dan menamatkan kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini, didapati diperolehi daripada sumber aktiviti yang menyalahi undang-undang atau merupakan peralatan bagi melakukan suatu kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah akta AMLATFA atau melanggar akta STA, Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:-

- i) pelepasan dan penamatan kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini akan dianggap sebagai tidak sah secara automatik mulai tarikh ditetapkan bahawa sumber bayaran Harga Jualan Bank yang masih tertunggak adalah termasuk dalam batasan akta AMLATFA atau melanggar akta STA, dan Pelanggan akan terus bertanggungjawab terhadap pihak Bank berdasarkan terma-terma dalam Perjanjian ini tanpa mengira sebarang dokumen yang telah dikeluarkan dan/atau ditandatangani oleh pihak Bank bagi tujuan pelepasan dan penamatan tanggungan tersebut; dan
- (ii) Pelanggan hendaklah memberi ganti rugi kepada pihak Bank atas sebarang kerugian, kerosakan, kos, fi dan caj yang ditanggung oleh pihak Bank akibat pelanggaran terhadap akta AMLATFA dan/atau akta STA.

35. UNDANG-UNDANG

35.1 Terma dan Syarat Am ini akan dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia atau Mahkamah-mahkamah lain yang ditentukan oleh Bank.

36. WARIS TERIKAT

36.1 Terma dan Syarat Am ini hendaklah mengikat waris, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) pihak-pihak di sini.

37. PRIVASI

37.1 Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi AmBank Islamic dan Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini sebelum bersetuju untuk terikat dengannya, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Borang Permohonan dan Terma dan Syarat Am.

37.2 Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan mereka (untuk Pelanggan individu) untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Kemudahan dengan AmBank Islamic atau sebaliknya melanggar produk dan perkhidmatan AmBank Islamic, Pelanggan adalah:

- a) mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada AmBank Islamic dan untuk kegunaan AmBank Islamic selaras dengan Borang Permohonan dan Terma dan Syarat Am ini dan untuk memberikan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran dari Kumpulan AmBank) yang Pelanggan dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada mereka;
- b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
- c) bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
- d) bersetuju terhadap hak AmBank Islamic untuk menamatkan Kemudahan sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.

37.3 Bila mana Pelanggan mengarahkan AmBank Islamic untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran) butiran mengenai transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) mungkin akan diterima atau telah dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negara AmBank Islamic, pengawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan tugas sah mereka

(contohnya, pencegahan jenayah). Dalam memberikan arahan kepada AmBank Islamic dan/atau ejen Bank untuk memasuki transaksi merentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pendedahan tersebut di atas adalah oleh pihak Pelanggan dan pihak-pihak lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan tersebut.

- 37.4 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi AmBank Islamic (sama ada di dalam atau luar Malaysia), Pelanggan bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi Pelanggan mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana AmBank Islamic dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada Pelanggan.
- 37.5 AmBank Islamic dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, emel, pesanan elektronik/ bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh Pelanggan.
- 37.6 Pelanggan boleh memberitahu AmBank Islamic pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari AmBank Islamic, Kumpulan dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan AmBank Islamic di pelbagai saluran berikut:

Khidmat Pelanggan

Telefon: (603) 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

Alamat: Level 18, Menara AmBank, No. 8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur

37.7 Arahan bertulis yang terkini daripada Pelanggan akan terpakai. Pelanggan mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Kemudahan kepada Pelanggan dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain AmBank Islamic dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Kemudahan tersebut dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pelanggan.

37.8 AmBank Islamic mungkin menggunakan agensi rujukan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila AmBank Islamic dikehendaki:

- a) menyemak butiran bagi permohonan Kemudahan, pembiayaan dan berkaitan-pembiayaan atau Kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan;
- b) menguruskan dan menyemak Kemudahan; dan/atau
- c) mendapatkan semula hutang daripada Pelanggan.

37.9 Pelanggan akan dipautkan dengan agensi rujukan kredit kepada nama lain yang digunakan Pelanggan atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersama dan berasingan. AmBank Islamic mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai pemohon yang berjaya dan bagaimana Pelanggan menguruskan Kemudahan dengan agensi rujukan kredit yang berkaitan.

37.10 Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada AmBank Islamic, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, AmBank Islamic berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Kemudahan yang dipautkan dengan maklumat tersebut.

37.11 Permohonan dan Terma dan Syarat Am ini berkenaan dengan Pendedahan.

38. SYARAT-SYARAT LAIN

38.1 Penggunaan Kemudahan ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Am ini. Apabila memohon Kemudahan ini, Pelanggan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaca dengan teliti dan memahami Terma dan Syarat Am ini.

38.2 Pelanggan diingatkan untuk tidak bergantung kepada apa-apa perkara yang dinasihati, dibuat representasi atau dijanji oleh kakitangan atau wakil Bank yang tidak dinyatakan secara nyata dalam Terma dan Syarat Am ini. Meskipun terdapat apa-apa perkara yang dinasihati, dibuat representasi atau dijanji, Pelanggan diingatkan bahawa perkara-perkara tersebut tidak

- akan mengikat Bank dan Pelanggan tidak boleh bergantung kepada perkara-perkara tersebut untuk menjadi sebarang hujah pembelaan atau menyokong sebarang tuntutan Pelanggan dalam apa-apa prosiding undang-undang.
- 38.3 Bank boleh menggunakan mana-mana hak, kuasa dan/atau remedi yang ada, sama ada yang dinyatakan di sini atau yang diberikan kepada Bank oleh undang-undang walaupun selepas penangguhan. Semua hak dan kuasa Bank di bawah undang-undang atau ekuiti boleh digunakan walaupun hak dan kuasa tersebut bertindih dengan hak dan kuasa yang diberikan di bawah Terma dan Syarat Am ini. Sekiranya Bank tidak membuat apa-apa tindakan apabila Bank berhak untuk berbuat demikian, ini TIDAK bermaksud bahawa Bank:
- a) telah bersetuju terhadap keingkaran Pelanggan; atau
 - b) telah melepaskan hak-hak Bank; atau
 - c) dilarang daripada mengambil apa-apa tindakan kemudian.
- 38.4 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan mana-mana remedi, hak atau cagaran yang Bank mungkin miliki, pihak Bank akan, sepanjang tempoh penguatkuasaan Kemudahan atau jika terdapat sebarang pembayaran tertunggak yang harus dibayar oleh Pelanggan, mempunyai lien am ke atas semua sekuriti dan aset-aset lain Pelanggan yang kini atau daripada masa ke semasa didepositkan dengan atau ke dalam atau berada di dalam milikan, penjagaan, kawalan atau dipegang atas nama atau atas arahan atau bagi pihak Bank atau penamanya sama ada bagi tujuan khusus atau am.
- 38.5 Di mana Bank secara nyatanya telah mengetepikan keingkaran Pelanggan, ini tidak akan menjejaskan penguatkuasaan hak, kuasa dan remedi Bank bagi sebarang keingkaran lain yang dilakukan oleh Pelanggan, sama ada yang berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.
- 38.6 Jika sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan terpaksa dikutip daripada Pelanggan, Bank berhak untuk menyumber luar pengutipan hutang tersebut kepada mana-mana agensi luar pilihan Bank atas budi bicara Bank dengan memberikan Pelanggan notis sekurang-kurangnya 7 hari kalendar dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab bagi yuran kutipan hutang, yuran penilaian, sebarang yuran professional lain dan semua caj dan kos lain yang ditanggung berkaitan dengan pengutipan hutang dan penguatkuasaan berkenaan.
- 38.7 kecuali apabila penyerahan hak dan/atau pindahan akan menjejaskan Pelanggan, Bank berhak pada bila-bila masa untuk memindahkan, menjual atau menyerahkan segala atau sebahagian daripada hak, milikan, kepentingan, faedah dan tanggungjawabnya di bawah Borang Permohonan, Terma dan Syarat Am ini, dan sebarang sekuriti atau dokumen lain yang menyokong Kemudahan ini kepada mana-mana pihak lain dengan memberikan dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu kepada Peminjam. Sebarang kos dan perbelanjaan berkaitan pemindahan, jualan atau penyerahanhak tersebut akan ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan tidak boleh memindahkan atau menyerahkan mana-mana hak, faedah dan tanggungjawab Pelanggan di bawah Borang Permohonan, Terma dan Syarat Am dan mana-mana sekuriti Kemudahan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis Bank dan sebarang penyerahan hak tanpa kebenaran tersebut adalah batal dan tidak sah.
- 38.8 Pihak Bank mempunyai hak dalam keadaan terhad yang dianggap wajar dan perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, bagi tujuan pematuhan terhadap mana-mana undang-undang atau garis panduan kawal selia yang terpakai ke atas Kemudahan, atau apabila terdapat kesilapan nyata yang tidak dilakukan secara langsung atau tidak langsung oleh pihak Bank, pihak Bank layak untuk meminda Fasal dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa dengan pemberian notis dahuluan bertulis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan untuk menambah, mengubah, memotong, mengubah suai, menukar atau meminda semua atau mana - mana bahagian Terma dan Syarat Am ini atau mengganti Kemudahan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan skim lain, sama ada serupa atau tidak, atau menarik semula sepenuhnya. Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipinda, Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis Bank dan tebus Kemudahan dengan membayar Amaun Kemudahan dan semua jumlah tertunggak secara penuh. Sekiranya Pelanggan masih meneruskan Kemudahan ini, dua puluh satu (21) hari kalendar selepas tarikh notis mana-mana pindaan terhadap terma dan syarat dalam Terma dan Syarat Am ini dilakukan oleh Pihak Bank, Pelanggan akan dianggap menerima terma dan syarat dalam Terma dan Syarat Am ini.
- 38.9 Pelanggan dikehendaki dan diingatkan untuk melayari laman web ambankgroup.com untuk mendapatkan Terma dan Syarat Am terkini.
- 38.10 Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat disini sebelum menandatangani. Pelanggan juga dinasihatkan untuk mencari, mendapatkan dan bergantung kepada nasihat guaman sendiri.